

17/12/1997

Umno Keningau adakan kempen berjimat cermat

KENINGAU, Selasa - Selaras usaha menyahut saranan pimpinan kerajaan, Umno Bahagian Keningau akan mengadakan kempen kesedaran berjimat cermat kepada ahlinya di kawasan pedalaman awal tahun depan.

Menerusi kempen itu, ahli Umno diharap dapat menyumbang ke arah menangani kegawatan ekonomi negara berasaskan pendekatan dan strategi diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Setiausaha Umno Bahagian Keningau, Idris Dani, berkata menerusi kempen itu pihaknya akan menyemai sikap berjimat-cermat di kalangan ahli dengan mengurangkan perbelanjaan tidak perlu.

"Sikap terlalu boros dan membazir perlu dihindari kerana ia akan membawa pelbagai kesan negatif kepada masyarakat dan ekonomi negara.

"Selain itu, kita perlu menyedarkan masyarakat mengenai cara paling baik untuk menangani masalah kenaikan harga barang yang boleh menggugat cara hidup mereka," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Beliau berkata jika kesedaran tidak ada, adalah dikhuatiri kegawatan akan bertambah serius sehingga membebankan rakyat terutama di luar bandar yang masih hidup di bawah paras kemiskinan.

Idris berharap menerusi kempen itu dapat meringankan tanggungan rakyat walaupun dalam keadaan di mana kenaikan harga barangan runcit tidak dapat dielakkan lagi.

Sasaran utama kempen itu ialah masyarakat luar bandar, terutama ahli Umno.

Sementara itu, Idris turut mengingatkan semua cawangan Umno di Bahagian Keningau bahawa tarikh akhir bagi ahli menjelaskan yuran tahunan mereka ialah pada 20 Disember ini.

Katanya, ketua semua 210 cawangan berdaftar di Keningau perlu mengambil perhatian mengenai perkara itu untuk mengelak timbul masalah pada persidangan peringkat cawangan awal tahun depan.

Beliau berkata tempoh akhir menjelaskan yuran itu mencukupi, dengan mengambil kira persidangan cawangan pada 16 Februari hingga 15 Mac depan.

"Walaupun tiada pemilihan di peringkat cawangan, namun setiap cawangan perlu dikemaskinikan agar perjalanan mesyuarat agung tahunan cawangan berjalan lancar," katanya.

(END)